

**Terengganu Masih Berhutang Lebih RM700 Juta Dengan Kerajaan Pusat
Bernama
13 Ogos, 2012**

KUALA TERENGGANU, 13 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Terengganu meminjam sejumlah RM708,385,103 daripada kerajaan pusat untuk projek bekalan air bersih negeri.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said berkata angka itu juga merupakan jumlah hutang keseluruhan kerajaan negeri dengan kerajaan pusat.

Ini kerana katanya, bagi tempoh empat tahun ini kerajaan negeri membina rumah kos rendah dan mampu milik tanpa meminjam daripada kerajaan pusat.

"Untuk pengetahuan Dewan, kerajaan negeri telah membelanjakan lebih RM700 juta setakat ini bagi membina rumah awam kos rendah dan rumah mampu milik," katanya menjawab soalan Datuk Harun Taib (PAS-Manir) pada persidangan Dewan Undangan Negeri, di sini pada Isnin.

Harun ingin tahu jumlah hutang kerajaan Terengganu dengan kerajaan pusat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687743>